

Tak nak dengar kereta peronda rosak

IPD Kuala Langat terima 10 Inspira ganti Waja untuk rondaan cegah jenayah

BANTING- Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat terus menjadi barisan hadapan pihak polis dalam mengadakan rondaan mencegah jenayah.

Ketua Polisnya, Superintenden Zailan Tasir berkata, IPD Kuala Langat telah menerima 10 kenderaan Proton Inspira 2.0 menggantikan kereta Waja 1.6 sebagai rondaan cegah jenayah di Kuala Langat.

Menurutnya, beliau mahu anggota peronda menggunakan sepenuhnya kenderaan itu dalam mengadakan rondaan dan menjadi orang yang pertama berada di tempat kejadian.

"Selepas ini saya tak nak dengar kenderaan rondaan rosaklah... dan tak boleh digunakan, itu bukan alasan. Kenderaan dah baharu, jadi semua peronda perlu bertanggungjawab mengadakan rondaan dengan sistem jadual yang diberikan," katanya dalam sidang media selepas Majlis Ringkas Penyerahan dan Rondaan sekitar Kuala Langat, semalam.



Zailan (depan, kanan) bersama sebahagian anggota sebelum melepaskan anggota MPV mengadakan rondaan.

Zailan berkata, beliau mahu memastikan rondaan pada setiap masa menjadi satu rangkaian yang sihat dan tiada isu mengenai penggunaan kenderaan MPV ini.

Katanya lagi, sebelum ini memang terdapat masalah mengenai kenderaan dan pihaknya berharap rondaan kali ini mampu menjadikan Kuala Langat sifar jenayah.

"Bagaimanapun, peronda MPV juga perlu terus menjadi mata dan telinga masyarakat dalam mengurangkan kes jenayah. Saya pasti dengan cara ini boleh membantu mengurangkan kes

“ Selepas ini saya tak nak dengar kenderaan rondaan dah rosaklah... dan tak boleh digunakan, itu bukan alasan. Kenderaan dah baharu, jadi semua peronda perlu bertanggungjawab mengadakan rondaan dengan sistem jadual yang diberikan.” - Zailan

jenayah,” katanya.

Dalam pada itu, Zailan turut melepaskan beberapa kenderaan MPV yang melakukan rondaan untuk membuat rondaan ke kampung-kampung bagi memberi peluang kepada masyarakat melihat kewujudan peronda MPV.

Katanya, ianya bagi memudahkan komuniti kenal dengan peronda yang meronda kawasan mereka.